

Tiga pegawai bank mengaku tidak bersalah menipu wanita

KUCHING: Tiga pegawai bank didakwa menipu seorang wanita berusia 61 tahun dengan memperdayakannya dengan pelaburan bank tidak wujud melibatkan RM16,000.

Ketiga-tiga tertuduh yang berusia antara 27 dan 54 tahun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Noorhisham Mohd Jaafar di sini, semalam selepas mereka masing-masing didakwa di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Seksyen itu membawa hukuman penjara antara satu dan 10 tahun dengan sebatan atau denda jika sabit kesalahan.

Hakim seterusnya membebaskan mereka dengan ikat



NAFI: Ketiga-tiga tertuduh dilihat di Kompleks Mahkamah Kuching, semalam. — Gambar Mohd Faisal Ahmad

jamin mahkamah RM10,000 dengan seorang penjamin tempatan setiap seorang dan menetapkan 6 Februari 2026 untuk pengurusan kes.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa menipu wanita terbabit dengan memperdayakan mangsa dengan skim pelaburan bank tidak wujud, secara tidak jujur mendorong mangsa untuk menyerahkan RM16,000.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah bank di Jalan Tun Jugah pada 15 November 2024.

Tertuduh pertama hingga ketiga masing-masing diwakili oleh peguam Ralph Lee, Dato Shankar Ram Asnani dan Voon Lee Shan.

Kes itu dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Aiman Mutallib Mohamad Shariff.